



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SIKAP TERHADAP PEMBELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN DAN HUBUNGANNYA
DENGAN PENCAPAIAN PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN EMPAT
DI SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH MANJUNG
PERAK**

MARLINA BINTI HASSAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN PERAKAUNAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

30.04.2005

MARLINA BINTI HASSAN
M20031001225



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah mengurniakan semangat, rahmat, ketabahan dan kesihatan yang baik sepanjang pengajian saya dan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga ia menjadi pendorong kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain ke arah mencapai kejayaan. Kajian ini tidak akan berjaya tanpa pertolongan dan sokongan daripada beberapa pihak. Saya sangat terhutang budi di atas segala pertolongan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada pihak yang terlibat, yang mana telah banyak memberi sumbangan untuk menyiapkan kajian ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada :

1. Pensyarah penyelia, En. Rosli bin Samat yang telah banyak memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar serta idea-idea yang bernas sehingga projek ini dapat disiapkan.
2. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah dari Fakulti Perniagaan dan Ekonomi iaitu Prof. Madya Dr. Yusoff Ibrahim, Prof. Madya Dr. Omar Abdull Kareem, Dr. Khalid Ismail, En. Mohd. Abdullah Jusoh, Tuan Hj. Nazirmuddin Ahmad, En. Jamal Yunus dan juga pensyarah dari fakulti lain seperti Dr. Ahmad Hashim, Prof. Dato' Dr. Isahak Harun dan Prof. Abdullah Hasan yang telah mencerahkan ilmu yang tidak ternilai sepanjang tempoh pengajian saya di UPSI. Ilmu yang telah dicurahkan sama ada secara langsung atau tidak langsung telah memberi semangat dan banyak membantu saya dalam bidang penyelidikan pendidikan.
3. Dikesempatan ini juga saya rakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pengarah Jabatan Pelajaran Perak, Pegawai Pelajaran Daerah Manjung, pengetua, penolong-penolong kanan dan guru-guru di sekolah-sekolah yang berkenaan atas kelulusan untuk menjalankan kajian dan kerjasama yang telah diberikan dalam proses menyiapkan kajian ini.
4. Rakan-rakan sekelas di UPSI dan rakan-rakan sekerja untuk komen dan idea yang telah disumbangkan.
5. Semua responden dalam memberi kerjasama untuk mengisi borang soal selidik.
6. Akhir sekali, penghargaan istimewa dan terima kasih kepada suami, Rashid Radha kerana dengan keizinan, bantuan, pengorbanan dan sokongan yang tidak terhingga telah memberi ruang kepada saya untuk menamatkan pengajian dan menyiapkan kajian ini. Kepada anak-anak yang dikasihi, Siti Nur Ayuni dan Siti Ainul Mardhiah semoga ianya menjadi sumber inspirasi dalam menempa kejayaan dihari muka, insyaallah. Terima kasih juga kepada semua keluarga untuk kasih sayang, sokongan, dorongan dan sentiasa mendoakan kejayaan saya.

Marlina Binti Hassan
April 2005





Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sikap terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dan hubungannya dengan pencapaian tingkatan 4. Konstruk sikap dilihat melalui tiga dimensi iaitu kepentingan Prinsip Perakaunan dalam bidang perniagaan, ekonomi dan sosial, minat terhadap Prinsip Perakaunan dan persepsi terhadap peranan guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Di samping itu, perbezaan dimensi sikap dan pencapaian di antara kaum Melayu, Cina dan India serta jantina juga dikaji. Kajian ini adalah penting memandangkan Prinsip Perakaunan adalah mata pelajaran elektif dalam kumpulan Vokasional dan Teknologi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Satu kajian kuantitatif berbentuk tinjauan telah di jalankan ke atas 150 orang pelajar tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang dipilih dari 5 buah sekolah menengah untuk mewakili 410 populasi di daerah Manjung, Perak. Pengumpulan data adalah melalui soal selidik. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk menguji perhubungan, manakala ujian-t dan ujian ANOVA adalah untuk menguji perbezaan. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian mendapatkan: 1) tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara ketiga-tiga dimensi sikap dengan pencapaian 2) terdapat perbezaan sikap dan pencapaian yang signifikan di antara kaum. 3) terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan di antara jantina. 4) tidak terdapat perbezaan sikap yang signifikan di antara jantina. Diharap kajian ini dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah Manjung dan sekolah-sekolah yang berkenaan dalam mengurus dan mentadbir sistem pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

Abstract

The objective of this study is to identify the attitude of form 4 students regarding the subject of The Principles of Accounting and its relationship with achievements. The attitude towards the subject is viewed through three dimensions, namely the importance of the Principles of Accounting in business, economic and social context, inclination towards the subject of the Principles of Accounting and their perception regarding the role of teachers of Principles of Accounting. Also, the differences in attitude and achievements along racial lines and between genders are studied. The findings will be of importance since the Principles of Accounting is an elective subject in the Vocational and Technology group in the Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). A quantitative study was done involving 150 Form 4 students from 5 schools representing 410 students taking the subject in the Manjung district in Perak. The data were collected using questionnaires. Pearson correlation test was used to determine the relationships, while t-test and ANOVA to determine the differences. Descriptive and inferential statistics were used to analyze the data. The study found that: 1) there was no significant relationship between the three dimensions of attitude and achievements, 2) there were significant differences in attitudes and achievements along racial lines, 3) there were significant differences in achievements between genders, 4) there was no significant differences in attitude between genders. It is hoped that the findings could aid the Education Ministry, State Education Department, District Education Office and the schools concerned to manage and administer the education system in the teaching and learning of Principles of Accounting.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
BAB 1	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan
1.2	Penyataan Masalah
1.3	Kepentingan Kajian
1.4	Tujuan Kajian
1.5	Hipotesis Kajian
1.6	Batasan Kajian
1.7	Definisi Operational
1.7.1	Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran
Prinsip Perakaunan	16
1.7.2	Peranan Guru Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan
1.7.3	Keturunan
1.7.4	Pendekatan Pengajaran Guru
1.7.5	Pencapaian
1.7.6	Prinsip Perakaunan
1.7.7	Minat
	15
	16
	16
	16
	17
	17
	18
	18
	19
	20
	22
	23
	24
	24
	25
	25
	26
	26
	28
	29

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan
2.2	Konsep dan Definisi Sikap
2.3	Sikap Pelajar terhadap Sekolah, Guru dan Pembelajaran
2.4	Pencapaian
2.5	Pendekatan Pengajaran Guru
2.6	Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran
	Prinsip Perakaunan
2.7	Hubungan Sikap Pelajar Dengan Pencapaian
	Dalam Mata Pelajaran
2.8	Hubungan Antara Pendekatan Pengajaran Guru dengan
	Pencapaian Dalam Mata Pelajaran
2.9	Faktor Keturunan dan Sikap
2.10	Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran
2.11	Kesimpulan

KANDUNGAN

Muka surat

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	30
3.2	Rekabentuk Kajian	30
3.3	Instrumen Kajian	31
3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan	34
3.5	Populasi Dan Sampel Kajian	35
3.6	Prosedur Kajian	36
3.7	Penganalisaan Data	37
	3.7.1 Analisa Statistik Deskriptif	39
	3.7.2 Analisis Statistik Inferensi	40
	3.7.2.1 Korelasi Pearson	40
	3.7.2.2 Ujian ANOVA	41
	3.7.2.3 Ujian-t	42
3.8	Kesimpulan	43

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	44
4.2	Analisa Dapatan Kajian	44
	4.2.1 Statistik Deskriptif	45
	4.2.2 Statistik Inferensi	50
4.3	Kesimpulan	73

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	74
5.2	Ringkasan Kajian	74
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	75
	5.3.1 Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran	
	Prinsip Perakaunan	75
	5.3.2 Pengaruh Pencapaian Pelajar Dalam Mata	
	Pelajaran Prinsip Perakaunan	76
	5.3.3 Hubungan Di antara Sikap Pelajar	
	Dengan Pencapaian Prinsip Perakaunan	77
	5.3.4 Perbezaan Sikap Di antara Kaum Melayu, Cina	
	dan India	78



KANDUNGAN

Muka surat

5.3.5	Perbezaan Pencapaian Prinsip Perakaunan Di antara Kaum Melayu, Cina dan India	79
5.3.6	Perbezaan Sikap Terhadap Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan di antara Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan	80
5.3.7	Perbezaan Pencapaian Prinsip Perakaunan Di antara Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan	80
5.3.8	Perhubungan Di antara Pencapaian Prinsip Perakaunan Dengan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu PMR	82
5.3.9	Perhubungan Di antara Pencapaian Prinsip Perakaunan Dengan Matematik PMR	82
5.4	Rumusan Kajian	83
5.5	Cadangan	85
	5.5.1 Cadangan Kajian Lanjutan	87
5.6	Kesimpulan	89



LAMPIRAN

- A Soal Selidik
- B Output SPSS
- C Surat Kebenaran



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Gred pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan	18
3.1 Interpretasi Tahap Sikap Pembelajaran Prinsip Perakaunan	39
3. 2 Klasifikasi kekuatan korelasi	41
4. 1 Taburan sampel mengikut sekolah	45
4. 2 Taburan sampel mengikut jantina	45
4. 3 Taburan sampel mengikut keturunan	46
4. 4 Taburan sampel mengikut pekerjaan bapa	46
4. 5 Taburan sampel Gred Peperiksaan Prinsip Perakaunan Akhir Tahun Tingkatan 4	47
4. 6 Taburan sampel gred Kemahiran Hidup Bersepadu	48
4. 7 Taburan sampel gred Matematik	49
4. 8 Skor Min Sikap dari 3 Dimensi	49
4. 9 Hubungan gred Prinsip Perakaunan dan sikap PES	50
4.10 Hubungan gred pencapaian Prinsip Perakaunan dengan minat	52
4.11 Hubungan gred pencapaian Prinsip Perakaunan dengan peranan guru	53
4.12 Perbezaan sikap PES antara kaum Melayu,Cina dan India	54
4.13 Perbandingan perbezaan sikap kepentingan perniagaan, ekonomi dan sosial antara kaum Melayu, Cina dan India	55
4.14 Perbezaan sikap dari dimensi minat terhadap prinsip Perakaunan	57
4.15 Perbandingan perbezaan sikap dari dimensi minat terhadap Prinsip Perakaunan antara kaum Melayu, Cina dan India	58
4.16 Perbezaan sikap dari dimensi persepsi terhadap peranan guru	60
4.17 Perbandingan perbezaan sikap dari persepsi peranan guru mata pelajaran antara kaum Melayu, Cina dan India	61



SENARAI JADUAL

Jadual**Muka surat**

4.18	Perbezaan pencapaian Prinsip Perakaunan antara kaum	62
4.19	Perbandingan perbezaan pencapaian Prinsip perakaunan antara kaum Melayu, Cina dan India	63
4.20	Perbezaan min sikap kepentingan perniagaan, ekonomi dan Sosial di antara pelajar lelaki dan perempuan	65
4.21	Perbezaan min minat terhadap Prinsip Perakaunan di antara pelajar lelaki dan perempuan	66
4.22	Perbezaan min peranan guru di antara pelajar lelaki dan perempuan	67
4.23	Perbezaan gred pencapaian Prinsip Perakaunan pelajar lelaki dan perempuan	68
4.24	Gred Prinsip Perakaunan * Gred Kemahiran Hidup Bersepadu	69
4.25	Perhubungan gred Prinsip Perakaunan dan gred Kemahiran Hidup Bersepadu	70
4.26	Taburan pencapaian (gred) Prinsip Perakaunan * Gred Matematik PMR	71
4.27	Perhubungan Prinsip Perakaunan dan Matematik PMR	72



BAB 1

PENDAHULUAN

Prinsip Perakaunan (dahulu dikenali sebagai Prinsip Akaun) merupakan mata pelajaran elektif untuk Tingkatan 4 dan 5 dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diperkenalkan pada tahun 1992 di bawah kumpulan Vokasional dan Teknologi dan merupakan lanjutan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat menengah rendah dari aspek menyimpan rekod perniagaan. Mulai tahun 2003 mata pelajaran ini disemak semula oleh Pusat Perkembangan Kurikulum dan ditukar namanya daripada Prinsip Akaun kepada Prinsip Perakaunan. Pelajar-pelajar yang baru masuk ke tingkatan 4 selepas peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) boleh memilih untuk mengambil mata pelajaran ini. Tidak ada satu syarat rasmi yang ditetapkan sama ada seseorang pelajar itu mempunyai kelayakan atau tidak untuk mengambil mata pelajaran elektif ini. Walaubagaimanapun, sesetengah sekolah meletakkan syarat-syarat sendiri

terutamanya dikaitkan dengan skor sederhana dalam mata pelajaran Matematik dan Sains.

Isi kandungan mata pelajaran Prinsip Perakaunan adalah merupakan peningkatan dalam bidang simpan kira yang lebih mengutamakan proses merekod urus niaga berdasarkan prosedur debit dan kredit. Pelajar-pelajar didedahkan tentang konsep dan prinsip asas perakaunan, perancangan kewangan dan pengurusan pengekosan. Di samping konsep, prinsip dan kaedah perakaunan, pelajar-pelajar akan diperkuuhkan dengan kemahiran merekod, mengklasifikasikan, mentafsir, menganalisis dan mengungkap data kewangan berdasarkan urusniaga atau peristiwa perniagaan. Pelajar-pelajar juga didedahkan kepada penggunaan komputer dalam sistem perakaunan berkomputer selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi 4

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000), adalah bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan melalui proses pembelajaran yang menitikberatkan pemahaman rasional sesuatu perkara yang dilakukan. Justeru itu, individu berkenaan dapat berfikir secara logik dan berupaya mengamalkan budaya kerja yang positif berasaskan sifat teliti, teratur, tekun, menepati masa, mematuhi peraturan serta dapat bekerjasama dan berkomunikasi dengan baik dalam sebarang usaha yang dijalankan. Seterusnya individu tersebut boleh membuat keputusan, peka terhadap kesan-kesannya, bertanggungjawab dan kebertanggungjawapan.

Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, perubahan dan perkembangan yang pesat telah berlaku di dalam pelbagai bidang, khususnya dalam bidang pendidikan di negara ini. Dasar atau polisi pelajaran yang baru bagi negara

telah digubal untuk disesuaikan dengan hasrat dan aspirasi sesebuah negara yang merdeka, bagi menggantikan dasar pelajaran penjajah Inggeris. Dasar pelajaran baru yang dikenali ‘Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956’ atau disebut juga Penyata Razak 1956. Kurikulum akan sentiasa berubah apabila diperlukan mengikut keperluan negara untuk rakyat Malaysia bersaing bersama-sama dengan rakyat negara lain. Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan. Kebelakangan ini semua mata pelajaran teras dan elektif di sekolah menengah dan sekolah rendah telah disemak semula bersesuaian dengan kehendak negara yang akan melahirkan generasi pelajar yang cemerlang untuk merentasi era globalisasi dunia tanpa sempadan.

Kemerosotan pencapaian dalam peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekutuan Malaysia(STPM) bagi sesetengah mata pelajaran telah dikenal pasti oleh pihak Kementerian Pelajaran dan diambil tindakan sewajarnya untuk menyelesaiannya. Beberapa faktor yang mungkin menyebabkan masalah kemerosotan dalam sesetengah mata pelajaran ialah kekurangan guru, terutamanya sekolah luar bandar di mana kalau yang melibatkan guru wanita yang terpaksa bertukar mengikut suami. Walau bagaimanapun faktor yang membabitkan pelajar itu sendiri juga boleh menjadi sebab kenapa pencapaian adalah tidak membanggakan. Di antara faktor yang ada pada pelajar itu sendiri ialah sikap, gaya pembelajaran dan persekitaran yang boleh mempengaruhi proses pembelajaran mereka.

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan boleh ditingkatkan sekiranya guru dapat memahami persepsi dan sikap pelajar terhadap pengajarannya. Ini disebabkan setiap pelajar mempunyai latar



belakang, minat dan kebolehan yang berbeza antara satu sama lain. Maklumat yang diperoleh boleh digunakan oleh guru untuk memperbaiki pengajaran seperti melakukan pengubahsuaian dalam teknik pengajaran bersesuaian dengan kebolehan pelajar mereka.

Faktor sikap bukanlah lahir secara semula jadi di dalam diri individu itu tetapi ia berkembang mengiringi pengalaman. Sikap wujud hasil daripada interaksi di antara individu dengan persekitaran. Pengalaman yang dialami dan kesediaan untuk bertingkah laku dalam pertumbuhan dan perkembangan akan membentuk sikap seseorang individu. Sikap meliputi kesediaan untuk bertindak mengikut cara dan di bawah keadaan tertentu berdasarkan kepada sesuatu objek atau perkara. Menurut Ibrahim (1980), terdapat dua cara bagaimana sikap dapat dipupuk di kalangan pelajar-pelajar. Pertama, adalah secara tidak langsung iaitu melalui penyampaian pengetahuan dan kedua ialah mengajar sesuatu sikap itu secara langsung kepada pelajar. Bersesuaian dengan tujuan mata pelajaran Prinsip Perakaunan diperkenalkan, maka pelajar-pelajar akan didedahkan dengan ilmu serta kemahiran yang patut ada pada mereka. Sebelum itu, pelajar hendaklah bersedia dengan sikap pembelajaran yang positif supaya apa yang dihasratkan oleh guru dapat diterima dengan hati yang terbuka.

1.2 Penyataan Masalah

Dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai lagi graduan jurusan perakaunan, langkah awal perlu dimulakan pada peringkat sekolah lagi. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Hon Choon Kim, kerajaan telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 60 % daripada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini mengikuti





aliran sains dan teknologi menjelang tahun 2010. Matlamat Wawasan 2020 adalah berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang maju menjelang abad ke 21 dengan memastikan nisbah pelajar sains dan kemanusiaan ialah 60 : 40 demi memenuhi keperluan tenaga mahir manusia dalam bidang kejuruteraan, teknikal, perubatan dan pergigian, senibina, seni ukir, **perakaunan** dan pengurusan yang merangkumi sebanyak 80 % (Mok, 1996). Walau bagaimanapun pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan adalah terdiri daripada mereka yang tidak terpilih dalam aliran sains tulin. Jadi, pelajar-pelajar yang memilih mata pelajaran elektif Prinsip Perakaunan adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai pencapaian yang sederhana dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah.

Pencapaian yang lemah atau tidak dapat mencapai sekurang-kurangnya gred C dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan tingkatan 4 bagi sesetengah pelajar adalah sesuatu yang tidak sepautnya berlaku. Ini adalah kerana pada dasarnya pelajar telah mempelajari asas perakaunan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu semasa di tingkatan 3. Pada kebiasaannya, sesebuah sekolah hanya menawarkan satu atau dua kelas sahaja bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Oleh kerana mata pelajaran ini berbentuk elektif, maka pelajar boleh memilih mengikut minat, bakat dan kebolehan masing-masing. Sepautnya hanya pelajar yang berjaya mendapat keputusan yang cemerlang boleh menyambung dalam bidang ini ke peringkat yang lebih tinggi.

Penekanan pendidikan sekarang ialah ke arah sains dan teknologi, maka pelajaran Perdagangan dan Prinsip Perakaunan dianggap sebagai sesuatu yang tidak perlu dititikberatkan. Malahan banyak sekolah memasukkan pelajar-pelajar yang kurang cerdas di dalam kelas-kelas Prinsip Perakaunan dan yang cerdas sekali mengambil mata pelajaran sains tulin. Anggapan ramai ialah akauntan-akauntan yang





perlu membuat keputusan perdagangan dan perindustrian tidak perlu sangat pandai. Dalam melangkah era perindustrian dan dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020, Malaysia memerlukan ramai ahli akauntan bertauliah. Negara memerlukan lebih ramai rakyat yang dapat memahami dan mengamalkan perakaunan dengan baik, banyak akauntan mahir, jujur dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan, guru memainkan peranan penting dalam membentuk sikap pelajar. Didapati persepsi pelajar terhadap peranan guru mereka adalah berbeza. Ada yang berpendapat persepsi terhadap pengajaran guru yang baik akan menghasilkan prestasi pembelajaran pelajar yang meningkat. Demikian juga dengan persepsi pelajar yang kurang baik akan menghasilkan keputusan yang merosot. Pelajar yang sangat lemah dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan selalunya sukar untuk memahami konsep-konsep penting dalam Prinsip Perakaunan.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meninjau sejauh manakah sikap pembelajaran pelajar daripada sudut terhadap kepentingan perakaunan dari segi perniagaan, ekonomi dan sosial, minat kepada mata pelajaran Prinsip Perakaunan serta persepsi pelajar terhadap peranan guru dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang boleh mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut.

Sikap pelajar yang tidak menunjukkan kesungguhan dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan mungkin menjadi penyebabnya atau keadaan persekitaran yang tidak kondusif, taraf sosio ekonomi yang rendah dan ditambah pula dengan tiadanya peluang dan ruang untuk merujuk kepada keluarga. Latar belakang ibu bapa dan keluarga yang tidak mempunyai kesedaran pengetahuan perakaunan juga merupakan



faktor yang mengarah kepada pencapaian yang rendah termasuklah persekitaran luar bandar yang serba kekurangan.

Wang, Heartel, dan Walberg (1989) telah menjalankan satu kajian ‘meta-review’ yang komprehensif ke atas variabel-variabel yang ada kaitan dengan pembelajaran baik dari segi kognitif mahu pun dari segi afektif. Dapatan kajian mereka menyatakan bahawa variabel pelajar, bilik darjah, persekitaran rumah dan komuniti adalah yang terpenting dalam mempengaruhi pembelajaran.

1.3 Kepentingan Kajian

Penyelidik berpendapat bahawa kajian ini dijalankan bertepatan dengan masanya memandangkan belum ada sebarang kajian yang dibuat sepanjang pengetahuan penyelidik untuk menyelidik aspek sikap pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian Prinsip Perakaunan bagi Negeri Perak. Adalah diharapkan dapatan awal (preliminary findings) kajian ini boleh dijadikan asas perancangan pendidikan kepada pihak yang terlibat dengan pengurusan dan pentadbiran pendidikan khususnya Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah Manjung dan sekolah-sekolah yang berkenaan.

Sebagai usaha lanjutan, pihak yang relevan dan bertanggung jawab dapat menyumbangkan sesuatu daripada usaha ini dengan cara bekerjasama membantu pihak Jabatan Pelajaran Negeri mengatasi masalah pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan data-data dan penemuan kajian sebagai bukti empirikal untuk memulakan sesuatu usaha memahami faktor dalaman diri pelajar seperti sikap.

Hasil kajian ini juga diharap dapat memberi pemahaman tentang pemikiran pelajar terhadap Prinsip Perakaunan, guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan

situasi di dalam kelas Prinsip Perakaunan. Di samping itu, dengan mengkaji perbezaan antara pelajar Melayu, Cina dan India dapat pula memahami pola-pola budaya dan pendirian pelajar tentang isu-isu berkait dengan Prinsip Perakaunan dan situasi pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan.

Pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan sekolah diharap dapat menggunakan dapatan kajian ini sebagai asas untuk merancang kajian tindakan secara kecilan untuk memahami dengan lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menghadapi pembelajaran mereka khususnya bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

Kajian ini penting, iaitu dengan memahami sikap pelajar, membolehkan pihak yang bertanggung jawab dapat membantu pelajar untuk meningkatkan prestasi Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pencapaian yang baik dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan akan memotivasi pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perakaunan dan seterusnya menjadikan perakaunan sebagai satu profesi.

Langkah memperkenalkan Prinsip Perakaunan sebagai mata pelajaran elektif merupakan jawapan kepada ramalan perubahan dalam dunia perniagaan menjelang abad ke 21 khususnya dalam bidang perniagaan, komunikasi dan kewangan. Orientasi ini dapat melahirkan lebih ramai lagi sumber tenaga yang selaras dengan keperluan pengurusan kerja. Oleh yang demikian, kajian terhadap sikap pelajar adalah sangat penting untuk menghasilkan pengetahuan dan pemahaman keadaan mereka tentang perasaan dan sikap terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Dengan ini usaha boleh dibuat untuk memupuk sikap pelajar ke arah yang positif memandangkan mata pelajaran ini sangat penting dalam bidang kerjaya keusahawanan.



Memandangkan mata pelajaran Prinsip Perakaunan begitu penting dalam mencorakkan kerjaya seseorang pelajar dan menghasilkan sumber tenaga bagi sektor perindustrian, maka, sikap yang positif terhadap pembelajaran harus dipupuk pada pelajar. Pelajar perlu didedahkan kepada dunia perniagaan dan diorientasikan kepada pekerjaan sendiri dan tidak bergantung kepada kerja makan gaji sahaja. Bidang keusahawanan perlu dititikberatkan supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan negara. Tambahan pula, menjelang abad ke 21, berbagai-bagai perubahan mungkin berlaku, sama ada dari segi sosial, teknologi, pendidikan dan sebagainya.

Dengan bersikap positif, pelajar menanam minat dan keyakinan dan dapat menghasilkan pencapaian yang baik. Bakat dan kebolehan seseorang boleh berkembang melalui perhubungan dan pergaulan jika diberi peluang, bimbingan dan latihan. Oleh itu, bakat, kebolehan dan sikap harus dicungkil, dipupuk dan dikembangkan.

Diharap dapatan kajian ini dapat membantu pihak pentadbir sekolah membuat pemilihan yang bijak supaya pelajar yang terpilih masuk ke kelas-kelas Prinsip Perakaunan mempunyai kemahiran sedia ada dalam mata pelajaran yang ada kaitan dengan pencapaian Prinsip Perakaunan agar dapat melahirkan pelajar yang berpotensi dalam bidang perakaunan. Di samping itu juga dapat mengelak daripada berlakunya keciciran pelajar yang tidak berpotensi tetapi terpilih untuk ke kelas perakaunan.

Kajian ini juga diharap dapat membantu dan berguna kepada perancang dan penggubal kurikulum untuk merangka satu kurikulum Prinsip Perakaunan yang benar-benar dapat memenuhi aspirasi negara.





1.4 Tujuan kajian

1. Kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perhubungan di antara sikap pembelajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan pelajar tingkatan 4 dari sudut kepentingan perniagaan, ekonomi, dan sosial, minat serta peranan guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan dengan pencapaian Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan 4. Diandaikan jika pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan, mereka akan mencapai keputusan yang baik dalam mata pelajaran tersebut.

Untuk menilai sikap pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan, konstruk sikap dilihat melalui tiga dimensi yang berhubung kait dengan pembelajaran Prinsip Perakaunan. Dimensi pertama sikap pembelajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan adalah sikap pelajar terhadap kepentingan Prinsip Perakaunan dalam bidang perniagaan, ekonomi dan sosial. Dimensi kedua adalah minat pelajar terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Minat ini dilihat daripada segi kesungguhan, iltizam dan semangat untuk terus mempelajari bidang perakaunan walau di mana mereka berada. Adalah diandaikan sekiranya pelajar mempunyai sikap yang positif bagi dimensi pertama dan kedua serta terdapat pula perhubungan yang signifikan dengan pencapaian tingkatan 4 ini bermakna pelajar-pelajar mementingkan Prinsip Perakaunan kerana nilai-nilai tersebut dan kesungguhan untuk mempelajari Prinsip Perakaunan adalah sungguh membanggakan agar prestasi pada masa akan datang meningkat dengan jayanya.

Manakala dimensi ketiga ialah sikap pembelajaran dari sudut persepsi pelajar terhadap peranan guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Sikap ini dinilai dari segi situasi sebelum, semasa dan selepas proses pengajaran guru serta perhubungan guru



mata pelajaran Prinsip Perakaunan dengan pelajar. Peranan guru dalam pemupukan sikap pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran tidak boleh dinafikan kerana guru masih dianggap sebagai mahir dalam pelajaran dan dipandang tinggi oleh pelajar. Cara pengajaran dan sokongan yang diberikan oleh guru sudah pasti akan mendorong pelajar ke arah pemupukan sikap pembelajaran yang positif.

2. Kajian ke atas faktor perbezaan sikap pembelajaran dan pencapaian pelbagai keturunan pula boleh memberi gambaran jelas tentang kedudukan sesuatu keturunan dalam disiplin perakaunan. Faktor ini menarik untuk dikaji kerana Malaysia terdiri daripada penduduk pelbagai kaum yang mempunyai kebudayaan yang berbeza-beza. Dijangka perbezaan sikap pembelajaran pelajar pelbagai keturunan ini wujud.

3. Tujuan kajian seterusnya ialah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap pembelajaran pelajar lelaki dengan pelajar perempuan serta perbezaan pencapaian kedua-duanya dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

4. Seterusnya kajian ini bertujuan menerokai hubungan di antara gred Matematik dan gred Kemahiran Hidup Bersepadu dengan pencapaian pelajar-pelajar dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan empat. Hubungan ini perlu diketahui dengan jelas memandangkan tiada syarat khusus yang ditetapkan dalam pemilihan pelajar ke kelaskelas yang menawarkan mata pelajaran Prinsip Perakaunan.



1.5 Hipotesis kajian

Adalah diharapkan kajian ini akan dapat memberi jawapan kepada hipotesis-hipotesis kajian berikut:-

1. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara sikap terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dari segi kepentingan Prinsip Perakaunan dalam bidang perniagaan, ekonomi dan sosial dengan pencapaian Prinsip Perakaunan tingkatan empat.
2. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara sikap terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dari sudut minat pelajar terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan dengan pencapaian Prinsip Perakaunan tingkatan empat.
3. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara sikap pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dari sudut peranan guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan dengan pencapaian Prinsip Perakaunan tingkatan empat.
4. Tidak terdapat perbezaan sikap terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dari sudut kepentingan perniagaan, ekonomi dan sosial yang signifikan di antara pelajar-pelajar Melayu , Cina dan India.
5. Tidak terdapat perbezaan sikap terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dari sudut minat terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang signifikan di antara pelajar-pelajar Melayu , Cina dan India.





6. Tidak terdapat perbezaan sikap terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dari sudut peranan guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang signifikan di antara pelajar-pelajar Melayu , Cina dan India.
7. Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan di antara pelajar-pelajar Melayu , Cina dan India.
8. Tidak terdapat perbezaan sikap terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dari sudut kepentingan perniagaan, ekonomi dan sosial yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
9. Tidak terdapat perbezaan sikap terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dari sudut minat terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
10. Tidak terdapat perbezaan sikap terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dari sudut peranan guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
11. Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
12. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara pencapaian Prinsip Perakaunan akhir tahun tingkatan empat dengan pencapaian Kemahiran Hidup Bersepadu Penilaian Menengah Rendah.





13. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara pencapaian Prinsip Perakaunan akhir tahun tingkatan empat dengan pencapaian Matematik dalam Penilaian Menengah Rendah.

1.6 **Batasan kajian**

- i. Kajian ini menghadkan bidangnya kepada pencapaian Prinsip Perakaunan berdasarkan kepada markah yang diperoleh oleh pelajar dalam peperiksaan akhir tahun Prinsip Perakaunan tingkatan empat. Oleh yang demikian, penemuan atau dapatan kajian ini adalah berdasarkan kepada generalisasi ke atas pelajar-pelajar tingkatan empat di daerah Manjung dan bukannya negeri Perak atau Malaysia keseluruhannya.
- ii. Soalan-soalan dalam soal selidik terdiri daripada item-item yang terhad dan tidak mungkin merangkumi semua aspek yang ingin diperhatikan dengan jitu dan terperinci.
- iii. Hasil kajian juga amat dipengaruhi oleh sejauh mana kejujuran pelajar-pelajar menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan tepat dan serius.
- iv. Kajian ini meliputi beberapa angkubah sahaja seperti sikap pembelajaran pelajar dari sudut faktor minat, kepentingan perniagaan, ekonomi dan sosial serta peranan guru sedangkan banyak faktor-faktor lain yang tidak berkait dengan sikap pembelajaran boleh mempengaruhi pembelajaran pelajar seperti





faktor sosio-ekonomi, persekitaran, dorongan keluarga dan pengaruh rakan sebaya.

- v. Kajian yang dijalankan terbatas kepada 150 orang pelajar tingkatan empat di 5 buah sekolah di daerah Manjung sahaja. Oleh itu dapanan kajian ini tidak boleh disimpulkan untuk menggambarkan sikap kesemua pelajar yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan di negeri Perak atau pun seluruh negara. Sehubungan dengan ini, sikap pelajar yang diukur adalah dikhkususkan untuk masa ini sahaja mewakili kumpulan responden yang tertentu sahaja. Namun demikian, kajian ini masih boleh dijadikan satu panduan untuk menerokai kajian-kajian yang selanjutnya.



1.7 Definisi Operasional

Pembolehubah operasional menyatakan bagaimakah sesuatu konsep itu diukur dan dimanupulasikan. Dengan lain perkataan, bagaimakah operasi ini dijalankan bagi mengukur atau memanipulasi pembolehubah. Di samping itu juga ianya didefinisikan sebagai satu prosedur yang digunakan untuk mengubah pembolehubah tidak bersandar dan ianya juga digunakan untuk mengukur pembolehubah bersandar. Pembolehubah operasional ini juga adalah satu cara untuk mengkaji sesuatu kajian yang telah dilakukan. Kajian yang lain mungkin akan mengukur konsep itu secara berbeza. Oleh itu adalah jelas dinyatakan definisi bagi pembolehubah operasional adalah penting apabila sesuatu kajian itu dibuat. Dalam kajian ini, item pembolehubah operasional telah dikenalpasti iaitu:





1.7.1 Sikap pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan

Sikap ini adalah diukur berdasarkan kepercayaan pelajar terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Misalnya untuk melihat sikap pelajar sama ada positif atau negatif terhadap kepentingan mata pelajaran dari segi perniagaan, ekonomi dan sosial, minat terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan persepsi terhadap peranan guru Prinsip Perakaunan. Soalan-soalan berbentuk pernyataan kepercayaan dan afektif dikemukakan kepada pelajar. Dalam kajian ini, sikap adalah minat dan kecenderungan seseorang terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

1.7.2 Peranan Guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan.



05-4506832 Peranan guru yang boleh mempengaruhi sikap pelajar dilihat dari sudut sebelum, semasa, dan selepas pengajaran serta hubungan di antara guru dan pelajar. Dalam kajian ini, guru mata pelajaran ialah guru yang mengajar mata pelajaran Prinsip Perakaunan tingkatan empat.

1.7.3 Keturunan

Sikap pembelajaran pelajar terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan dilihat dari empat kumpulan etnik yang utama iaitu Melayu, Cina , dan India.





1.7.4 Pendekatan pengajaran guru

Pendekatan dimaksudkan dengan arah atau hala yang diambil untuk menuju sesuatu sasaran. Pendekatan-pendekatan yang dipilih biasanya berasaskan teori-teori atau generalisasi yang tertentu. Dalam kajian ini, pendekatan pengajaran guru merangkumi kaedah guru menerangkan konsep-konsep Prinsip Perakaunan, menjalankan aktiviti-aktiviti dalam kelas, latihan yang diberi kepada pelajar, serta hubungan di antara guru dengan pelajar. Guru adalah bebas untuk memilih kaedah yang difikirkan wajar bagi menggunakan pendekatan yang sesuai.

1.7.5 Pencapaian



Kerlinger (1973) menyatakan pencapaian ialah skor-skor atau gred-gred yang dicapai pelajar dalam suatu ujian atau peperiksaan piawai. Wollman (1969) dalam Noraini (2000) menyatakan pencapaian bermaksud tingkat kecekapan yang dicapai dalam bidang akademik atau persekolahan. Maksud pencapaian dalam konteks ini tertumpu kepada kemampuan pelajar untuk mendapat gred yang baik dalam satu-satu mata pelajaran yang diambil.

Dalam kajian ini, pencapaian pelajar adalah merujuk kepada gred mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan akhir tahun tingkatan empat sebagai penentu kejayaan atau kegagalan. Peperiksaan akhir tahun akan diberi mengikut soalan yang disediakan oleh guru di sekolah masing-masing. Jika skor pelajar melebihi markah yang ditentukan bermakna pelajar itu telah mencapai kejayaan tetapi jika sebaliknya bermakna pelajar itu telah gagal





dalam mata pelajaran tersebut. Untuk kajian ini, gred yang telah ditetapkan adalah seperti dalam jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1
Gred pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan

A	-	85	hingga	100
B	-	70	hingga	84
C	-	50	hingga	69
D	-	45	hingga	47
E	-	40	hingga	44
F	-	0	hingga	39

Daripada jadual 1.1, yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan gred yang paling tinggi iaitu A adalah pada markah 85 hingga 100 yang dikategorikan sebagai cemerlang. Manakala gred yang paling rendah ialah F dengan markah dari 0 hingga 39 yang dikategorikan sangat lemah dan gagal.



1.7.6 Prinsip Perakaunan

Merupakan satu mata pelajaran elektif di bawah bidang vokasional dan teknik dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima.

1.7.7 Minat

Kerap kali melakukan sesuatu yang terbit daripada keinginan kognitif. Dalam kajian ini minat dilihat dari sudut minat pelajar terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

